

Pemuda perjelas dasar kerajaan

BH-18/10/2006

Profesional muda sasaran betulkan tanggapan

Oleh Ismail Mat

TUMPAT: Pengerakan Pemuda Umno sedia berdepan untuk memberi penjelasan kepada golongan intelektual dan profesional muda yang mempunyai banyak persoalan dan tidak berpuas hati terhadap dasar dan pendekatan kerajaan.

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin, berkata Pemuda Umno mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang profesional dan agama untuk memberi penjelasan yang diperlukan.

Katanya, Pemuda Umno kini mendekati semua lapisan golongan muda daripada kelompok intelektual yang terbabit dalam pembentukan pendapat masyarakat sehinggalah mat rempit.

"Kita tidak mahu melihat ada pi-

hak yang mempertikaikan dasar dan usaha yang dilaksanakan kerajaan tanpa mendengar terlebih dulu apa-apa penjelasan.

"Dalam pendekatan Pemuda Umno, kita bukan setakat menumpukan kepada remaja dan pemuda, sebaliknya kita juga memberi perhatian kepada intelektual.

"Kita ada kepelbagaian pendekatan termasuk sukan, kelab motor dan majlis ilmiah supaya dapat menarik perhatian golongan intelektual yang sudah tentu ada banyak soalan dan kritikan terhadap dasar kerajaan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menghadiri Majlis Ihyaya Ramadan anjuran Pemuda Umno dan Umno Bahagian Tumpat di Pasir Pekan dekat sini, malam tadi.

Turut hadir Ketua Umno Bahagian Tumpat yang juga Ahli Dewan Un-

dangan Negeri (Adun) Pengkalan Kubor, Datuk Noor Zahidi Omar dan Ketua Pemuda, Che Husin Che Soh.

Khairy berkata, dalam berdepan golongan intelektual dan profesional muda yang bersikap kritikal, pemimpin Pemuda perlu bersikap terbuka dan tidak mengetepikan mereka.

"Di Kelantan, pengundi muda bukan setakat duduk di negeri ini, tetapi juga duduk di Kuala Lumpur. Mereka terbawa-bawa isu di bandar yang jauh beza dengan isu tempatan.

"Untuk itu, kita perlu ada pendekatan supaya mereka yakin dengan kerajaan, bukan hanya yakin apa yang berlaku di Kelantan tetapi juga berlaku pada peringkat kebangsaan," katanya.

Khairy berkata, beliau yakin tiada isu yang tidak boleh dijawab dan diperjelaskan jika semua pihak yang

terbabit bersikap terbuka dan bersedia mendengar penjelasan.

Katanya, golongan yang tidak mahu mendengar penjelasan perlu membuka minda untuk mendengar hujah dan penjelasan kerajaan sebelum membuat penentuan menge-

nai pendirian mereka.

Berucap pada majlis itu, beliau berkata, Pemuda Umno kini berusaha untuk memastikan semua saluran pengundi muda menyokong Umno dan Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang.